



**INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN  
TRENDS IN SOCIAL SCIENCES  
(IJMTSS)**  
[www.ijmtss.com](http://www.ijmtss.com)



## **KONSEP 1MALAYSIA: KEBERKESANANNYA TERHADAP PELAJAR IPT**

### *1MALAYSIA CONCEPT: ITS EFFECTIVENESS TO IPT STUDENTS*

Muhammad Fuad Othman<sup>1</sup>, Zaheruddin Othman<sup>2</sup>, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah<sup>3</sup>, Fairol Halim<sup>4</sup>, Abdul Rahman Abdul Aziz<sup>5</sup>, R Sivaperegasam P Rajanthiran<sup>6</sup> & Nik Fauziliana Mohd Tamizi<sup>7</sup>

<sup>1</sup> School of International Studies, Universiti Utara Malaysia  
Email: mfuad@uum.edu.my

<sup>2</sup> School of Government, Universiti Utara Malaysia  
Email: zaher@uum.edu.my

<sup>3</sup> School of International Studies, Universiti Utara Malaysia  
Email: ainuddin@uum.edu.my

<sup>4</sup> School of Business Management, Universiti Utara Malaysia  
Email: fairol@uum.edu.my

<sup>5</sup> School of Government, Universiti Utara Malaysia

<sup>6</sup> School of International Studies, Universiti Utara Malaysia

<sup>7</sup> School of Human Development and Techno Communication Universiti Malaysia Perlis  
Email: mnikfauziliana@yahoo.com

\* Corresponding Author

#### **Article Info:**

##### **Article history:**

Received date: 24.11.2020

Revised date: 21.12.2020

Accepted date: 24.12.2020

Published date: 31.12.2020

##### **To cite this document:**

Othman, M. F., Othman, Z., Abdullah, M. A. I. L., Halim, F., Aziz, A. R. A., Rajanthiran, R. S. P., & Tamizi, N. F. M. (2020). Konsep 1Malaysia: Keberkesanannya Terhadap Pelajar IPT. International Journal of Modern Trends in Social Sciences, 3 (14), 196-207.

#### **Abstrak:**

Kajian ini membincangkan mengenai sejauh mana keberkesanannya konsep 1Malaysia terhadap perpaduan dalam kalangan pelajar IPT. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis adakah konsep 1Malaysia memberi kesan terhadap nilai perpaduan dalam kalangan pelajar IPT. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif medium edaran borang soal selidik. Hasil dapatkan kajian mendapat majoriti pelajar di peringkat IPT secara langsung menerima impak dari konsep perpaduan yang diterapkan dalam konsep 1Malaysia. Akan tetapi masih terdapat sebahagian pelajar IPT yang merasakan konsep 1Malaysia tidak memberi kesan terhadap nilai perpaduan dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar. Ekoran daripada itu, penekanan yang lebih giat perlu dilaksanakan seperti memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar IPT. Pemupukan ini seharusnya bermula dari institusi keluarga dan di peringkat prasekolah lagi. Adalah dicadangkan juga agar penambahaikan sistem pembelajaran di universiti agar setiap program yang dijalankan dapat memupuk semangat perpaduan dan memberi pendedahan kepada keterbukaan

DOI: 10.35631/IJMTSS.3140016

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



dan penerimaan pelbagai kaum demi memupuk perpaduan nasional yang lebih utuh. Kajian ini telah ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui skim Fundamental Research Grant Scheme (FRGS).

#### Kata Kunci:

Keberkesanan Konsep 1Malaysia, Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

#### Abstract:

This research discusses the effectiveness of the 1Malaysia Concept among university students. It analyses whether the 1 Malaysia concept gave any effects on the values of unity among these students. This study employed a qualitative methodology that used questionnaires. Results showed that the majority of the students have been impacted by the 1Malaysia concept. However, some of the respondents stated that they were not impacted by this concept in their daily lives as students. Thus, efforts must be taken to enhance the values of national unity among university students. Efforts must start at the at-home and preschool levels. It was also recommended that reforms must take place in the university education system through all programs to give exposure towards a more open and inclusive community which then will inculcate national unity. This research was funded under the Ministry of Higher Education Fundamental Research Grant Scheme (FRGS).

#### Keywords:

Effectiveness of 1 Malaysia Concept, Higher Education Students, Unity

## Pengenalan

Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang membawa aspirasi dalam usaha memperbaiki hubungan kaum agar rakyat Malaysia terus menghayati dan menyulam erti perpaduan yang lebih erat. Konsep 1Malaysia adalah pemangkin kepada kewujudan sebuah negara bangsa yang dilihat mampu memangkin ke arah perpaduan nasional berlandaskan kepada perkongsian nilai integriti, kebolehan, dedikasi dan kesetiaan. Menurut, Mansor Mohd Noor (2015) pemimpin mahupun setiap individu perlu memahami dan menghayati nilai 1Malaysia antaranya nilai kecapaian dalam budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti serta memahami nilai-nilai aspirasi dalam konsep 1Malaysia yang bertunjangkan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip-prinsip Rukun Negara. Oleh hal demikian, Teras 1Malaysia adalah untuk memelihara perpaduan dan memastikan agar tiada satupun rakyat Malaysia yang merasakan diri mereka dipinggirkan, malahan mereka terus dipayungi oleh rasa kekitaan dan kebersamaan (Abdullah M.Z, 2018)

Dalam menjamin pembentukan negara bangsa yang ideal, nilai-nilai integrasi dan perpaduan haruslah disemai dari peringkat tahap pendidikan mereka. Malahan pembinaan negara bangsa telah digariskan sebagai Teras Pertama dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang menjadi garis panduan dalam melaksanakan program pendidikan masa kini di Malaysia. (Abdullah @ Kassim Muhammad, Roslan Lateh, Hamimda Agil, Wan Hartini Wan Zainodin dan Zulkifli Latiff, 2018)

Akan tetapi penyemaian semangat perpaduan hanya di peringkat persekolahan sahaja tidak memberikan kesan yang agresif. Peyemaian dan pemupukan ini haruslah trus di garap di

institusi-institusi pengajian tinggi agar konsep perpaduan yang diimpikan menjadi realisasi. Justeru itu, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan satu cara atau tempat yang amat strategik dalam memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar pada peringkat akar umbi. Menurut Mohd Shukri Hanapi (2017) hal ini kerana, kebanyakkan pelajar yang ada di Malaysia sama ada Universiti Awam atau Universiti Swasta terdiri daripada pelbagai bangsa, agama serta warna kulit yang berbeza dan di institusi pengajian tinggi ini mereka dapat di satukan dengan harmoni (Ismail Sualman dan Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli, 2016)

### **Permasalahan Kajian**

Kerajaan telah berusaha untuk menyampaikan informasi dan maklumat berkaitan dengan konsep 1Malaysia, seperti menubuhkan laman sesawang 1Malaysia yang mengandungi intipati dan informasi berkaitan, laman blog Perdana Menteri, pertandingan mencipta lagu 1Malaysia, pertandingan melukis poster bagi pelajar IPTA dan seumpamanya (Mohammad Redzuan Othman, 2016). Kerajaan juga telah membelanjakan banyak wang untuk menyediakan hadiah kepada pemenang, iklan di televisyen dan surat khabar serta di papan iklan, kempen dan juga seminar. Namun, ianya belum tentu mencapai matlamat untuk menarik perhatian masyarakat terutamanya pelakar IPT. Usaha kerajaan ini juga tidak jelas dalam mencari golongan sasaran utama dalam mempromosikan konsep ini agar sasaran utama akan mempengaruhi kelompok-kelompok masyarakat yang lain (Ibrahim Ali, 2019)

Di samping itu, tindakan kerajaan dalam menggunakan arus media elektronik dan media massa dilihat tidak efektif dan efisyen kerana walaupun maklumat dan informasi berjaya disebarluaskan, namun ia hanya akan mendatangkan kesan positif jangka pendek sahaja dan ini akan menyukarkan pengetahuan serta pemahaman mengenai konsep 1Malaysia dicapai 1Malaysia adalah gagasan bagi mengharmonikan rakyat pelbagai kaum di negara ini tanpa mengubah identiti kaum-kaum tersebut (Mohd Yusof Othman, 2017). Di samping menjaga kepentingan semua kaum, Gagasan 1Malaysia juga menekankan soal integrasi dan pewujudan bangsa Malaysia. Berbeza dengan Malaysian Malaysia yang hanya terbatas kepada kesamarataan hak tanpa mengambil kira realiti dan sejarah negara Malaysia. Perpaduan yang digambarkan oleh Gagasan 1Malaysia amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara etnik dikenyal dan diganti dengan satu identiti nasional yang sama (Shamsul Amri, 2017)

Walaupun konsep 1Malaysia telah lama diperkenalkan, namun ukuran kepada soal sejauhmana impak konsep ini kepada para pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) masih boleh diperdebatkan. Rata-rata dalam kuliah harian ada persoalan tentang konsep 1Malaysia yang masih gagal difahami apatah lagi dihayati oleh para pelajar di IPT. Ekoran daripada itu, kajian yang akan dilaksanakan ini penting dalam usaha menilai semula keberkesanan konsep 1Malaysia terhadap perpaduan dalam kalangan pelajar IPT (Shamsul Amri Baharuddin, 2011)

### **Konsep 1Malaysia**

Konsep 1Malaysia merupakan suatu konsep yang baru dilancarkan di Malaysia pada tahun 2009 yang lalu. Ia merupakan lanjutan daripada usaha kerajaan seperti pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Rukun Negara, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Sosial Negara, dan seumpamanya agar sebarang konflik perkauman dapat dielakkan serta pencapaian dapat dipertingkatkan. Asas-asas yang ada dalam konsep 1Malaysia ini adalah untuk mencapai teras perpaduan antara kaum di Malaysia supaya cita-cita negara untuk mencapai Wawasan 2020 sebagai negara yang berstatus maju tercapai dengan jayanya. Di samping itu, ia diharap mampu untuk menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan persaudaraan untuk meneruskan agenda pembinaan sebuah negara-bangsa yang berjaya. Konsep 1Malaysia boleh dikatakan menjadi

suatu model untuk memperkasa perpaduan dan kesinambungan kepada pendekatan-pendekatan sebelum ini yang pernah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Hasil perpaduan yang dicapai akan dapat menjamin kestabilan, seterusnya mampu membawa negara ke arah kemajuan dan pencapaian yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara. Jadi, konsep ini boleh disamaartikan sebagai satu strategi atau formula untuk mencapai aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 (Abdullah M.Z. dan Khairil A.J,2016)

Oleh sebab itu, untuk mencapai status yang kukuh ini hanya dapat dicapai melalui rakyat yang bersatu padu. Perpaduan yang ditonjolkan dalam konsep 1Malaysia bukan menggambarkan akan berlakunya asimilasi antara kaum seperti negara lain yang lazimnya identiti mereka dihapuskan dan digantikan dengan identiti nasional yang harus digunakan oleh semua pihak. Namun sebaliknya, konsep yang diketengahkan ini menghargai dan menghormati identiti setiap etnik yang ada di Malaysia serta menganggap ia merupakan suatu elemen yang patut dibanggakan oleh semua lapisan masyarakat, di samping mengakui prinsip-prinsip yang ada dalam perlembagaan persekutuan (Othman Zainon, Jasmin Baharom, Nik Hasnaa Nik Mahmood, Maslin Masrom, Hooi Lai Wan, 2018)

Mengenai konsep 1Malaysia ini terdapat dua aspek utama yang perlu dilaksanakan agar konsep ini mencapai matlamatnya dengan baik. Pertama, penerapan teras-teras perpaduan; dan kedua, mengenai penerapan nilai-nilai aspirasi. Penerapan teras-teras perpaduan perlulah dijadikan budaya dan praktis bagi semua golongan rakyat di Malaysia kerana ia merupakan komponen utama yang mampu menjadikan rakyat berbilang kaum di Malaysia dapat hidup bersatu padu (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2011). Di samping itu, teras ini haruslah diimplementasikan oleh nilai-nilai murni seperti saling hormat-menghormati antara satu sama lain, sabar, bersopan-santun, dan sebagainya yang sepatutnya menjadi amalan dan praktis rakyat di Malaysia. Aspek kedua, melalui penerapan nilai-nilai aspirasi pula, adalah perlunya ada masyarakat yang progresif dan dinamik yang akan memacu negara dalam usaha mencapai status negara maju. Nilai ini penting bagi mewujudkan semangat persaingan di peringkat global serta dapat meningkatkan mutu kerja seterusnya berjaya mengukuhkan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

### **Ulasan Karya**

Kajian pemahaman gagasan 1Malaysia dalam kalangan pelajar IPT telah dilakukan oleh Nor Suhaiza Md Khalid, Zarina Mohd Zain dan Farah Adilla Abdul Rahman (2011). Kajian soal selidik ke atas 250 orang pelajar dari lima buah IPT di Melaka bertujuan untuk melihat kesedaran dan mengkaji tahap pemahaman mereka terhadap konsep 1Malaysia di samping mengetahui medium yang digunakan untuk menwar-warkan konsep tersebut agar semua rakyat memahaminya. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa seramai 233 responden memahami konsep 1Malaysia manakala 17 lagi tidak. Kajian tersebut merumuskan bahawa kebanyakan responden memahami kepentingan konsep 1Malaysia sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum. Meskipun kajian ini melihat pemahaman pelajar IPT terhadap gagasan 1Malaysia, namun persoalan khususnya yang melibatkan pemahaman lapan nilai aspirasi yang penting dalam gagasan tersebut tidak diajukan kepada mahasiswa. Justeru, makalah ini berusaha untuk memaparkan pemahaman dua aspek utama dalam nilai aspirasi (Zarulrizam Ab Jalil, 2011)

Di samping itu, kajian yang telah dikeluarkan oleh Merdeka Center pada 9 Julai 2010 yang lalu dengan mendakwa bahawa konsep 1Malaysia hanya bermotifkan politik semata-mata demi survival parti pemerintah dan kajian menunjukkan hanya 39 peratus masyarakat bukan

Bumiputera menerima konsep 1 Malaysia. Berdasarkan kajian terhadap aspek soal perpaduan nasional, integriti, penyertaan demokratik dan tindakan afirmatif di kalangan responden iaitu seramai 3,141 orang dewasa berusia antara 19 tahun dan ke atas dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang ditemui bual oleh Merdeka Center. Daripada jumlah itu 51 peratus merupakan orang Melayu, 26 peratus Cina, India (tujuh peratus), Bumiputera Islam (sembilan peratus) dan bukan Bumiputera Islam (tujuh peratus). Justeru itu, kajian yang akan dilakukan ini penting untuk menguji balas sejauhmaka keabsahan kajian oleh Merdeka Center terhadap konsep 1Malaysia (Ismail Sualman dan Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli, 2016)


Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa yang sedang membangun dengan pesat, semestinya mahu mencapai matlamat yang telah dibuat dengan jayanya tanpa dihalang oleh konflik antara kaum. Mengenai konsep 1Malaysia dan konsep negara-bangsa merupakan satu mekanisme yang dilihat mempunyai suatu matlamat untuk dikongsi bersama, iaitu berjaya mencapai hasrat negara untuk mencapai Wawasan 2020 sebagai status negara maju. Namun begitu, pelaksanaannya haruslah dikaji dan dirancang terlebih dahulu tanpa melaksanakan secara tergopoh-gapah kerana ini akan mengakibatkan kekeliruan dan sebagainya. konsep 1Malaysia memerlukan jangka masa yang panjang untuk melihat keberkesanannya, namun perkembangannya boleh dibuat dengan membuat penilaian dan pemantauan dari masa ke semasa. Ini merupakan suatu inisiatif dalam menghadapi cabaran pelaksanaan konsep 1Malaysia agar matlamat penubuhannya berjaya dicapai untuk memperkasakan perpaduan antara kaum dalam usaha mengecapi perdamaian positif, yakni boleh hidup dalam keadaan aman dan harmoni tanpa sebarang persepsi negative dan pandangan streotaip di Malaysia, dan seterusnya mampu bersama-sama membangunkan negara menuju ke arah Wawasan 2020 (Mohammad Redzuan Othman, 2016).

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu berdasarkan edaran soal selidik kepada pelajar-pelajar di IPT. Bagi mencapai objektif kajian, rekabentuk kajian yang dipilih adalah pendekatan kuantitatif. Melalui pendekatan kuantitatif, kaedah tinjauan akan dilakukan di mana borang soal selidik akan diedarkan kepada responden yang telah dikenal pasti. Dalam kajian ini, terdapat dua jenis data yang akan digunakan iaitu data primer dan data sekunder. Pemilihan kaedah kuantitatif dibuat kerana kajian ini adalah berbentuk kajian impak. Pengkaji ingin menilai kefahaman konsep 1Malaysia di kalangan pelajar IPT. Justeru, pemilihan sampel yang ramai dan mewalkili setiap universiti adalah perlu bagi memastikan dapatan kajian mencapai dan menjawab objektif kajian. Selari dengan penyelidikan melalui kaedah kuantitatif, maka kajian ini dilakukan adalah di seluruh Malaysia dengan membahagikan lokasi mengikut zon-zon yang telah ditetapkan. Zon-zon berikut adalah zon utara dengan mengambil sampel di negeri Kedah (UUM), zon tengah dengan mengambil sampel di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (UITM). Di zon selatan sampel diambil di negeri Johor (UTHM), manakala di zon timur sampel diambil dalam negeri Pahang (UMP). Bagi Sabah dan Sarawak data di kutip di kedua-dua negeri tersebut (UNIMAS & UMS).


### **Dapatan Kajian**

Analisis impak konsep 1Malaysia terhadap perpaduan dalam kalangan pelajar IPT merupakan analisis yang dibuat untuk melihat sejauhmankah pelajar di institusi pengajian tinggi paham tentang kesan pelaksanaan knsep 1Malaysia untuk perdapuan dalam negara.




**Rajah 1.0: Pelajar Sentiasa Berkomunikasi Dan Beramah Mesra Dengan Kaum Lain**

Soalan pertama dalam analisis impak konsep 1Malaysia terhadap tahap perpaduan dalam kalangan pelajar IPT adalah seperti pada rajah 1.0, ‘pelajar sentiasa berkomunikasi dan beramah mesra dengan kaum lain’. Dengan menggunakan skala jawapan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5) dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan peratusan pelajar yang memilih skala ‘tidak pasti’ (34.5 peratus) dan skala yang memilih ‘bersetuju’ (34.7 peratus) adalah hampir sama. Keadaan ini turut menggambarkan jurang antara pelajar yang faham dan tidak faham adalah sama. Namun begitu pelajar yang memilih skala ‘sangat bersetuju’ juga tinggi iaitu sebanyak 27.4 peratus.




**Rajah 1.1: Hormat Menghormati Dan Menolong Kaum Lain Ketika Dalam Kesusahan Adalah Tanggungjawab Pelajar**

Rajah 1.1 menunjukkan dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan soalan ‘hormat menghormati dan menolong kaum lain ketika dalam kesusahan adalah tanggungjawab pelajar’ dengan menggunakan skala jawapan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5) maka dapatan kajiannya menunjukkan peratusan teratas adalah pada skala ‘sangat bersetuju’ iaitu sebanyak 38.8 peratus, diikuti dengan skala ‘tidak pasti’ sebanyak 31.9 peratus, ‘bersetuju’ 27.8 peratus. Terdapat juga pelajar yang memilih skala ‘sangat tidak setuju’ sebanyak 0.8 peratus dan ‘tidak setuju’ sebanyak 0.6 peratus.



**Rajah 1.2: Setiap Aktiviti Berkumpulan Yang Dianjurkan Oleh Pihak Universiti Haruslah Di Sertai Oleh Pelajar Berbilang Kaum**


Rajah 1.2 menunjukkan analisis dapatan kajian hasil daripada soalan yang ditanya berkaitan ‘setiap aktiviti berkumpulan yang dianjurkan oleh pihak universiti haruslah disertai oleh pelajar berbilang kaum’. Berdasarkan skala jawapan yang digunakan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Maka dapatan kajian yang diperolehi adalah sebanyak 34.2 peratus pelajar memilih skala jawapan ‘tidak pasti’, 32.5 peratus pelajar memilih skala ‘bersetuju’, 30.4 peratus pelajar memilih skala ‘sangat bersetuju’. Namun begitu terdapat juga pelajar yang memilih skala ‘sangat tidak bersetuju’ sebanyak 1.1 peratus dan skala ‘tidak bersetuju’ sebanyak 1.9 peratus.



**Rajah 1.3: Setiap Pelajar Perlu Mempunyai Sifat Integriti, Ketabahan, Kesetiaan Dan Penerimaan Dalam Diri Masing-Masing Serta Mengenepikan Sifat Perkauman.**


Rajah 1.3 menunjukkan dapatan kajian berdasarkan soalan ‘Setiap pelajar perlu mempunyai sifat integriti, ketabahan, kesetiaan dan penerimaan dalam diri masing-masing serta mengenepikan sifat perkauman’ dan skala jawapan yang digunakan adalah sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Dapatan kajian yang diperolehi adalah seperti dalam Rajah 4.25. Majoriti pelajar memilih skala ‘sangat bersetuju’ sebanyak 38.9 peratus dan pelajar yang memilih skala ‘bersetuju’ pula adalah sebanyak 26 peratus. Akan tetapi, pelajar yang memilih skala ‘tidak pasti’ juga agak tinggi

sehingga mencapai 33 peratus. Manakala pelajar yang memilih skala ‘sangat tidak bersetuju’ adalah 0.8 peratus dan skala ‘tidak bersetuju’ 1.3 peratus.



**Rajah 1.4: Saya Faham Tentang Rukun Negara Dan Sentiasa Mematuhi**


Rajah 1.4 menunjukkan dapatan yang diperolehi berdasarkan soalan “Saya faham tentang Rukun Negara dan sentiasa mematuhi”. Berdasarkan skala jawapan yang digunakan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5) maka dapatan kajian yang diperolehi adalah seperti rajah 4.26. Majoriti pelajar memilih skala ‘tidak pasti’ iaitu sebanyak 35.7 peratus, skala ‘sangat tidak bersetuju’ sebanyak 1.5 peratus dan skala ‘tidak bersetuju’ sebanyak 2.7 peratus. Dalam masa yang sama terdapat sebilangan besar pelajar yang memilih skala ‘bersetuju’ dan ‘sangat bersetuju’ yang masing-masing mencapai 30.2 peratus dan 30 peratus. Keadaan ini mengambarkan pelajar di IPT faham, tenang rukun negara dan sentiasa mematuhi.



**Rajah 1.5: Saya Lebih Gemar Berkawan Dengan Rakan-Rakan Seagama Berbanding Kaum Lain**


Rajah 1.5 menunjukkan dapatan kajian untuk soalan ‘Saya lebih gemar berkawan dengan rakan-rakan seagama berbanding kaum lain’ soalan ini ditanyakan pada pelajar adalah untuk mengentahui sejauhmanakah perpaduan dalam kalangan pelajar, adakah pelajar lebih gemar berkawan dengan kaum seagama atau berlaian kaum. Skala jawapan yang digunakan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan majoriti pelajar

memilih skala ‘tidak pasti’ iaitu sebanyak 39.4 peratus. Manakala yang memilih skala ‘sangat tidak bersetuju’ adalah sebanyak 4.0 peratus, ‘tidak bersetuju’ 6.5 peratus, ‘bersetuju’ 20.6 peratus dan ‘sangat bersetuju’ 29.5 peratus.



**Rajah 1.6: Saya Tidak Kisah Tinggal Sebilik Dengan Rakan-Rakan Yang Berlainan Agama**


Rajah 1.6 menunjukkan dapatan kajian hasil daripada kutipan data berkaitan soalan ‘Saya tidak kisah tinggal sebilik dengan rakan-rakan yang berlainan agama’. Berdasarkan skala jawapan yang digunakan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Maka, dapatan kajian yang diperolehi adalah seperti rajah 4.28 iaitu majoriti pelajar memilih skala ‘tidak pasti’ iaitu sebanyak 37.9 peratus diikuti yang kedua tertinggi adalah skala ‘bersetuju’ sebanyak 25.9 peratus diikuti yang ketiga adalah pada skala ‘sangat bersetuju’ yang mencapai sehingga 25.3 peratus. Akan tetapi, tidak kurang juga yang memilih skala ‘sangat tidak bersetuju’ (5.9 peratus) dan skala ‘tidak bersetuju’ (5.1 peratus)



**Rajah 1.8: Setiap Pelajar Perlu Berfikiran Positif Dan Mengelakkan Prejudis, Rasisme Antara Kaum**

Rajah 1.8 menunjukkan hasil dapatan kajian untuk soalan ‘Setiap pelajar perlu berfikiran positif dan mengelakkan prejudis, rasisme antara kaum’ dengan menggunakan skala jawapan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat

bersetuju (5) hasil dapatan menunjukkan majoriti pelajar juga memilih skala ‘tidak pasti’ iaitu sebanyak 36.6 peratus dan skala ‘sangat tidak bersetuju’ merupakan jumlah peratusan yang paling sedikit iaitu sebanyak 1.1 peratus diikuti skala ‘tidak bersetuju’ sebanyak 2.1 peratus. Peratusan untuk pelajar yang memilih skala ‘bersetuju’ dan skala ‘sangat bersetuju’ masing-masing adalah lebih kurang iaitu 30.5 peratus dan 29.7 peratus.



**Rajah 1.9: Aktiviti Amal Seperti Gotong-Royong, Menyambut Kemerdekaan Bersama-Sama Akan Menyemai Semangat Patriotik Dan Peka Terhadap Sensitiviti Antara Kaum**

Rajah 1.9 menunjukkan hasil dapatan kajian untuk soalan ‘aktiviti amal seperti gotong-royong, menyambut kemerdekaan bersama-sama akan menyemai semangat patriotik dan peka terhadap sensitiviti antara kaum’. Dengan menggunakan skala jawapan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Hasil dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar memilih skala ‘sangat bersetuju’ sebagai pilihan yang mewakili sebanyak 36.9 peratus responden. Diikuti dengan skala ‘bersetuju’ sebanyak 26.4 peratus dan skala ‘tidak pasti’ sebanyak 34.2 peratus. Akan tetapi, masih terdapat responden yang memilih skala ‘sangat tidak bersetuju’ dan ‘tidak bersetuju’ yang masing-masing mencapai peratusan sebanyak 0.8 peratus dan 1.7 peratus.

### Rumusan

Ringkasan daripada hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada 478 responden analisis impak konsep 1Malaysia terhadap tahap perpaduan dalam kalangan pelajar IPT. Dapatan kajian yang diterima menunjukkan sebilangan besar memberi respon yang positif antaranya berdasarkan soalan ‘Setiap pelajar perlu mempunyai sifat integriti, ketabahan, kesetiaan dan penerimaan dalam diri masing-masing serta mengenepikan sifat perkauman’. Majoriti pelajar memilih skala ‘sangat bersetuju’ sebanyak 38.9 peratus dan pelajar yang memilih skala ‘bersetuju’ pula adalah sebanyak 26 peratus. Akan tetapi, pelajar yang memilih skala ‘tidak pasti’ juga agak tinggi sehingga mencapai 33 peratus. Manakala pelajar yang memilih skala ‘sangat tidak bersetuju’ adalah 0.8 peratus dan skala ‘tidak bersetuju’ 1.3 peratus.

Ini menunjukkan sebilangan besar pelajar bersetuju bahawa konsep 1Malaysia memberikan impak kepada perpaduan kaum dalam kalangan pelajar IPT. Namun dalam keadaan yang sama, golongan pelajar yang masih tidak faham dan tidak merasakan konsep 1Malaysia memberikan imapak positif dalam perpaduan juga membimbangkan kerana terdapat sebilangan pelajar yang memilih skala ‘tidak pasti’ contohnya menunjukkan dapatan yang diperolehi berdasarkan

soalan “Saya faham tentang Rukun Negara dan sentiasa mematuhiinya’. Majoriti pelajar memilih skala ‘tidak pasti’ iaitu sebanyak 35.7 peratus, skala ‘sangat tidak bersetuju’ sebanyak 1.5 peratus dan skala ‘tidak bersetuju’ sebanyak 2.7 peratus. Dalam masa yang sama terdapat sebilangan besar pelajar yang memilih skala ‘ersetuju’ dan ‘sangat bersetuju’ yang masing-masing mencapai 30.2 peratus dan 30 peratus. Keadaan ini menunjukkan walaupun tahap peratusan pelajar yang tidak faham/tidak pasti tinggi namun peratusan pelajar yang memilih “setuju” lebih tinggi. Ini menggambarkan majoriti pelajar faham tentang konsep 1Malaysia akan tetapi penerapan dan penekanan yang lebih perlu diberikan untuk memastikan tahap kefahaman mereka lebih tinggi.

Ringkasannya konsep 1Malaysia perlu diperjelaskan dari masa ke semasa agar tidak berlaku salah tafsiran. Selain daripada itu konsep ini perlu diterangkan dengan baik agar aspek positif yang dibawanya dapat dimanfaatkan. Golongan pelajar adalah tergolong dalam kumpulan pelaksana yang akan menjayakan matlamat 1Malaysia. Mereka adalah aset bernilai negara. Di tangan mereka kelak negara ini akan ditentukan nasibnya. Justeru, dengan memahami konsep ini dengan jelas akan dapat menerbitkan azam yang kuat di hati mereka untuk melaksanakan dan merealisasikannya nanti.

### Penghargaan

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama pada kumpulan kami untuk melengkapkan laporan ini. Ucapan terima kasih khas diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Utara Malaysia yang memberi sumbangan kewangan melalui geran Search Results Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) untuk membiayai seluruh proses dalam melaksanakan dan menyiapkan laporan kajian ini.

*We would like to thank all those who cooperated with our team for completing this report. My special thanks go to the Ministry of Higher Education and Research and Innovation Management Centre (RIMC), Universiti Utara Malaysia, who provided financial assistance through the Search Results Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) grant to fund the entire process of implementing and preparing this research report.*

### Rujukan

- Abdullah @ Kassim Muhammad, Roslan Lateh, Hamimda Agil, Wan Hartini Wan Zainodin dan Zulkifli Latiff. 2018. Penghayatan Mesej Satu Malaysia di Kalangan Komuniti Bestari, Selangor. *Laporan Penyelidikan Institut Pengurusan Penyelidikan*, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam (tidak diterbitkan).
- Abdullah M.Z. 2018. *1Malaysia: Konsep Wasatiyyah dan Keadilan Sosial di Malaysia. Dalam 1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*. (Editor: Shahlan Ismail). Penerbitan Ilham Baru. Kuala Lumpur. ms 61-69.
- Abdullah M.Z. dan Khairil A.J. 2016. *Pendekatan Wasatiyyah dalam menghayati 1Malaysia*. Penerbit Kasturi Jingga Corporation Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Ibrahim Ali. 2019. “1Malaysia: Perspektif Generasi Kemerdekaan”. *Kertas kerja* dibentangkan pada Seminar Kebangsaan 1Malaysia, yang diselenggarakan oleh Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM (Universiti Sains Malaysia) di Putrajaya pada 11 Ogos.
- Ismail Sualman dan Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli, 2016. “Peranan Media Terhadap Pengetahuan Dan Penerimaan Konsep Satu Malaysia Dalam Kalangan Remaja Di Selangor”. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ke-3, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekuturan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mansor Mohd Noor. 2015. *Integrasi Etnik di Institut Pengajian Tinggi Awam*. Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara.
- Mohammad Redzuan Othman. 2016. *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa: Siri Khas Sastera dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Mohd Shukri Hanapi. 2017. The wasatiyyah (moderation) concept in Islamic Epistemology: a case study of its implementation in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(9), 51-62.
- Mohd Yusof Othman. 2017. Pendekatan wasatiyyah: ke arah pembangunan yang lestari. Dlm. Mushaddad Hasbullah & Mohd Asri Abdullah (Pnyt.). *Wasatiyyah: pemacu peradaban negara* Hlm. 17-44). Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Nor Suhaiza Md Khalid. 2011. 1Malaysia: Satu Kajian Terhadap Pemahaman Pelajar IPT di Melaka. Kertas kerja yang dibentangkan di *National Academic Conference*, Kota Bharu, Kelantan, 18-19 Jun 2011.
- Othman Zainon, Jasmin Baharom, Nik Hasnaa Nik Mahmood, Maslin Masrom, Hooi Lai Wan. 2018. Penilaian Terhadap Kepedulian Mahasiswa Dalam Menghayati Konsep 1Malaysia: Kajian Awal Di Universiti Teknologi Malaysia International Campus. *Prosiding Seminar Modal Insan*. Universiti Sultan Zainal Abidin. Terengganu.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2011. *Kesepadan dalam kepelbagaian perpaduan di Malaysia sebagai work-in-progress*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri. 2017. *Modul Hubungan Etnik*. Kementerian Pengajian Tinggi. Malaysia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2011. *Budaya ilmu dan gagasan 1Malaysia: membina Negara maju dan bahagia*. Kuala Lumpur: Akademi Kenegaraan Biro Tata Negara.
- Zarulrizam Ab Jalil. 2011. Nilai-nilai di Bawah Gagasan 1Malaysia Bagi Memupuk Perpaduan di Kalangan Pelajar Serta Kekangan Yang Wujud di Peringkat Organisasi. Dalam Hasnah Binti Musa et all. *Penulisan Ilmiah dan Kreatif*. Melaka :Unit Penerbitan Kolej Komuniti Jasin.